

# **Kepentingan Dan Faktor Pembangunan Video Muzik Dalam Industri Hiburan Di Malaysia**

**Mohd Abqari Ayob\***

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
Email: abqari@uitm.edu.my*

**Liza Marziana Mohammad Noh\***

*Penulis Koresponden\*  
Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
Email: lizamarziana@uitm.edu.my*

**Suniza Mustafa\***

*Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: suniza@upsi.edu.my*

Tarikh Masuk: **29.08.2022**; Tarikh Diterima: **09.09.2022**; Tarikh Diterbit: **17.10.2022**

*\* Semua penulis menyumbang sama rata terhadap kajian ini*

## **ABSTRAK**

Video merupakan medium penyampaian maklumat yang berperanan besar dalam kehidupan manusia pada masa kini. Kemunculan aplikasi sebagai media baharu telah meningkatkan lagi peranan video khususnya dalam industri hiburan. Video muzik adalah gabungan antara media bunyi dan media visual. Video muzik mempunyai kelebihan tersendiri dalam menarik perhatian penonton. Video muzik dapat ditonton secara visual menerusi persembahan nyanyian dan tarian penyanyi. Impak video muzik kepada penonton amatlah besar, sama ada menjadi ikutan gaya fesyen dan personaliti dari imej penyanyi ataupun pelakon video tersebut. Dalam erti kata lain, ia dapat menarik minat penonton untuk mengikuti *trend* budaya muzik popular. Di Malaysia, video muzik kian berkembang dengan pesatnya. Ramai penggemar muzik dewasa ini menjadikan video muzik sebagai platform menikmati hiburan, akan tetapi dalam konteks industri video muzik kurang mendapat perhatian besar berbanding di luar negara. Walhal video muzik boleh menyumbang penjanan pendapatan yang besar kepada pemain industri termasuk golongan artis disamping melonjakkan industri hiburan tanahair. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan video muzik dan mengenal pasti faktor-faktor yang dipertimbangkan sebelum mereka bentuk video muzik. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data seperti temu bual pemain industri khususnya pengarah dan individu yang pernah terlibat dalam industri hiburan. Kajian ini diharapkan dapat memberi ilmu pengetahuan dan manfaat kepada para pengkaji industri hiburan, mereka yang berada dalam produksi pembuatan video, ahli muzik serta penggiat industri muzik.

**Kata kunci:** *Video Muzik, Industri Hiburan, Produksi*

# The Importance and Factors of Music Video's Development for the Entertainment Industry in Malaysia

**Mohd Abqari Ayob\***

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
Email: abqari@uitm.edu.my*

**Liza Marziana Mohammad Noh\***

*Corresponding Author  
College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
Email: lizamarziana@uitm.edu.my*

**Suniza Mustafa\***

*Faculty of Music and Performing Arts, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: suniza@upsi.edu.my*

Received Date: **23.05.2022**; Accepted Date: **10.08.2022**; Available Online: **17.10.2022**

*\* These authors contributed equally to this study*

## ABSTRACT

Video is an information delivery media that plays a big role in human life nowadays. The emergence of new media such as the use of applications has further increased the role of video especially in the entertainment industry. The goal of a music video is to present video content visually accompanied by music, which combines sound and visual media. The advantage of music videos is that they are able to attract the audience. Viewers can visually watch video content such as a singer's performance. The impact of music videos on the audience is huge, whether it is following the fashion style and personality of the singer or actor performance in the video. In other words, it can attract the audience to follow popular music culture trends. In Malaysia, music videos are growing rapidly. Many music fans today use music videos as a platform to enjoy entertainment, but in the context of the music video industry, it receives less attention than abroad. However, music videos can contribute a large amount of income to industry players including artists in addition to boosting the country's entertainment industry. Thus, this study aims to examine the importance of music videos and identify the factors that are considered before designing a music video. This study uses data collection methods such as interviews with industry players, especially directors and individuals who have been involved in the entertainment industry. Observation methods on music videos are also done to identify the factors that are considered to produce a good music video. This study is expected to provide knowledge and benefits to entertainment industry researchers, those involved in video production, musicians and music industry activists. suggestions for further research on the next researcher can study how to produce quality music videos that are accepted by the audience.

**Keywords:** *Music Video, Entertainment Industry, Production*

## PENGENALAN

Video merupakan salah satu medium yang boleh dikatakan memberi peranan besar dalam kehidupan manusia pada masa kini (Brindle, 2013). Kemunculan media baharu aplikasi seperti YouTube, TikTok dan pelbagai lagi telah meningkatkan lagi peranan video di dalam kehidupan manusia (Nurul Magfirah, 2021). Tidak terkecuali kepentingan penggunaan video di dalam industri muzik. Peranan video di dalam industri muzik memudahkan pendengar dan penonton menerima muzik tersebut melalui video, malahan penyanyi juga boleh mengembangkan bakat mereka menerusi video (Gigmit, 2021). Matlamat video muzik adalah untuk menerangkan dan mencerminkan muzik secara visual. Dalam erti kata lain, ia menggabungkan antara media bunyi dan media visual (Carlos Nizam, 2019).

Di luar negara khususnya di Amerika, video muzik telah diterima sebagai sesuatu yang penting di dalam industri muzik (Gigmit, 2021). Ini kerana video muzik digunakan sebagai sumber asas untuk mendekati pendengar dan penonton. Video muzik membantu para penonton memahami aspek visual persona artistik pengkarya dan juga dapat menarik mereka untuk terikat dengan imej dan jenama muzik tersebut. Kini irama muzik juga telah semakin berkembang dengan bantuan visual sejak beberapa dekad yang lalu dengan menghasilkan sinergi antara kedua-duanya dengan mencipta pengalaman 360° untuk para pendengar.

Fungsi video muzik itu boleh memperlihatkan pencapaian seseorang penyanyi menerusi persembahan serta nyanyian penyanyi secara serius dan profesional. Selain nyanyian, video muzik boleh menyerlahkan bakat dan personaliti artis seperti kebolehan bermain muzik, tarian, pakaian dan juga bidang lakonan (Carlsson, 1999). Atas sebab itu, pereka video perlu menumpukan pada imej penyanyi supaya penonton dapat mengingati seterusnya menjadikan penyanyi diminati (Gigmit, 2021). Video muzik juga mampu membuatkan pendengar mudah mengaitkan lagu apabila mereka menonton kisah atau situasi yang dipaparkan mengaitkan lagu tersebut dan merasakan lagu itu ditulis untuk mereka (Carlos Nizam, 2019).

Di Amerika, video muzik mula ditayangkan pada 8 Ogos 1981, sebagai saluran televisyen khas untuk pengamal muzik iaitu MTV (Music Television). MTV ialah rangkaian televisyen Amerika bertujuan untuk menyiarkan video muzik. Ia diperkenalkan oleh pengamal video bagi mempromosikan kumpulan muzik dan artis. Sejak itu, video muzik telah menjadi salah saluran penting dalam industri muzik Amerika (Viacom International Inc, 2022).

Di Malaysia, perkembangan video muzik berlaku menerusi filem-filem klasik arahan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Lagu-lagunya diadunkan di dalam filem dan gubahan lagu yang dibawakan oleh beliau yang masih diingati sehingga kini. Kebanyakan gubahan lagu oleh Tan Sri P Ramlee diadaptasi dari filem Hindi ke dalam filem Melayu (Ahmad Sarji Abdul Hamid, 2011). Walaupun ketika itu terma 'video muzik' masih belum dicipta, namun sebuah paparan lagu dan muzik di dalam filem telah pun bermula (History, 2019).

Perkembangan pesat video muzik berlaku pada era 90-an. Kualiti video muzik pada ketika itu cukup berkualiti sehingga ke era pertengahan 2000. Nama-nama seperti Virginia Kennedy (Awan Yang Terpiliu), Saw Teong Hin (Fanatik), Yusry Abd Halim (The Way We Jam) dan Zaili Sulan (Nanti - Innuendo) antara yang cukup dominan menghasilkan video muzik yang berkualiti tinggi. Muzik video satu ketika dulu dilihat sebagai satu elemen penting dalam pemasaran sebuah produk muzik. Sheila Majid, Ziana Zain dan KRU antara yang sentiasa konsisten dalam penghasilan muzik video yang bagus di era 90-an. Bakat-bakat di bawah kendalian Positive Tone seperti OAG, Innuendo, Deanna Yusuf dan Liza Aziz antara yang cukup *promising* dalam menghasilkan video muzik yang baik. PT dikhabarkan mengeluarkan modal cukup tinggi untuk penghasilan MV Masa (Liza Aziz) (Muzik Kita, 2017).

Penerimaan video muzik telah terbukti berjaya di Amerika dan seluruh dunia (Gigmit, 2021). Artis antarabangsa terkenal dan popular bukan kerana lagu mereka tetapi keunikan persembahan muzik video mereka menerusi pakaian dan tarian mereka. Contohnya Micheal Jackson dan tarian 'Moonwalk', PSY dengan tarian 'Gangnam Style' telah menjadi ikutan orang ramai. Lebih signifikan, video muzik di

Amerika telah diangkat martabatnya dengan mewujudkan anugerah muzik video terbaik menerusi MVA (MTV Video Music Awards). Hal ini telah menjadikan muzik video sebagai cabang industri hiburan lain yang begitu signifikan di sana (Gigmit, 2021).

Berbeza di Malaysia, anugerah muzik video diletakkan dibawah Kategori Teknikal, Kreatif & Penerbitan dalam anugerah AIM (Anugerah Industri Muzik), dan anugerah tersebut kali terakhir diadakan pada tahun 2016. Jika ditinjau, terdapat ramai artis baharu Malaysia yang dikenali dan popular menerusi muzik video yang telah dibuat sendiri contohnya Naim Daniel, Wani Hasrita, Yuna Zarai, Najwa Latiff dan ramai lagi. Mereka ini mulai terkenal dengan menghasilkan video nyanyian mereka.



**Rajah 1: Michael Jackson dengan gerakan tariannya yang diingati sehingga kini**  
(Sumber: *Smooth Criminal* [Muzik video]. (1988). YouTube  
[https://www.youtube.com/watch?v=h\\_D3VFfhvs4](https://www.youtube.com/watch?v=h_D3VFfhvs4))



**Rajah 2: Fenomena baharu Psy dengan tariannya 'Gangnam style' pada 2012**  
(Sumber: *Gangnam Style* [Muzik video]. (2012). YouTube  
[https://www.youtube.com/watch?v=cGc\\_NfiTxng](https://www.youtube.com/watch?v=cGc_NfiTxng))

### **Pernyataan masalah**

Mengikut Dasar Dan Strategi Pembangunan Industri Muzik Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sokongan untuk membantu membangunkan industri hiburan tanahair. Penggiat industri disarankan untuk perlu menggembeng tenaga dan saling bantu membantu dari segi

mental dan fizikal ke arah ini. Penggiat, terutama NGO perlu mempunyai anjakan paradigma dan perubahan minda serta berani dan sentiasa mencuba sesuatu yang baru demi pembangunan dan kejayaan industri ini. Tanpa perubahan sikap ini adalah dikhuatiri muzik Malaysia akan sentiasa terkebelakang daripada arena muzik global dan yang lebih penting ialah bakat-bakat seni negara ini akan tenggelam ditelan zaman serta tiada apa yang boleh dibanggakan sebagai warisan negara (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, 2005). Hal ini berlaku kepada pembangunan video muzik di Malaysia. Walaupun ia semakin pesat berkembang namun kurang inisiatif diambil diperingkat tempatan dalam mengangkatnya sebagai industri. Jika tiada inisiatif peranan video muzik dalam mengangkat artis atau pelakon akan tenggelam. Tidak seperti industri hiburan antarabangsa, video muzik itu dianggap penting dan telah menjadi salah satu industri penting dalam dunia hiburan (Valeviciute, 2021). Malahan terdapat saluran khas yang diwujudkan bagi penonton video muzik.

### **Objektif Kajian**

- Untuk mengkaji kepentingan pembangunan video muzik dalam dunia hiburan.
- Untuk mengetahui faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum menghasilkan video muzik yang bagus.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Video Muzik**

Video muzik adalah sejenis media hiburan dalam bentuk penterjemahan muzik kepada visual. Video muzik harus mencerminkan mood yang telah wujud dalam muzik tersebut. Penyampaian visual juga harus mengikut rentak irama bersama dengan muzik, kerana ia akan nampak janggal jika perubahan adegan dan latar belakang visual dan muzik tidak sekata (Carlsson, 1999). Definisi lain tentang video muzik ialah sebuah tayangan filem atau video lagu yang merakamkan pemuzik membuat persembahan atau menunjukkan imej yang menggambarkan lirik atau mood sesebuah lagu. Video muzik boleh menyampaikan makna sesebuah lagu tersebut kepada penonton. Ia mendekati penonton untuk menghayati sebuah muzik kerana mood muzik tersebut disampaikan secara visual. Pada masa sekarang golongan remaja lebih tertarik dengan video. Menurut Carlos Carlos Nizam (2019) golongan remaja lebih memahami mesej yang disampaikan oleh penyanyi itu.

Video muzik bagus untuk tujuan publisiti. Menerusi video muzik, penyanyi boleh mengembangkan dan menyerlahkan lagi bakat mereka. Penyanyi dan pelakon Izzue Islam seumpamanya, beliau memulakan kerjayanya sebagai penyanyi berkumpulan, yang dikenali sebagai FOURTEEN seterusnya aktif berlakon drama dan juga pengacaraan (Carlos Nizam, 2019). Sekiranya penyanyi itu berlakon dalam klip video mereka sendiri, ia akan membuatkan mereka lebih dikenali umum dan orang ramai akan lebih mengenali penyanyi tersebut sama ada dari segi tarian, alunan muzik atau cara penyampaiannya, ia akan membuatkan penonton lebih mengingati tentang video tersebut.

(Carlos Nizam, 2019), reka bentuk visual hampir dengan bentuk muzik. Untuk memulakan analisis imej dalam idea asas di sebalik rakaman adalah untuk mengenal pasti konsep utama di sebalik video, manipulasi warna, untuk tetapan motif, merakam cerita, pakaian dan sebagainya. Seorang pengarah video muzik perlu mencipta beberapa idea yang berulang dan pelbagai. Konsepnya adalah untuk menyusun semula motif visual yang membentuk keseluruhan karya.

### **Video dalam Industri**

Bagi industri muzik, video berupaya meningkatkan pendapatan. Ini kerana penaja atau syarikat yang membuat video mempunyai sasaran untuk meningkatkan rating mereka. Syarikat atau penajaan tidak

membuat video tanpa tujuan kerana untuk menghasilkan satu video mungkin menggunakan wang ratusan, ribuan atau mungkin berjuta-juta (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional, 1989).

Oleh itu, syarikat yang membuat video berharap mereka akan mendapat pulangan melalui penerbitan video tersebut. Lebih penting bagi mereka ialah apabila video mendapat anugerah contohnya MTV, maka akan membawa kepada peningkatan dalam rating popular. Pembikinan video juga boleh membuka peluang pekerjaan seperti penyunting, juruvideo, pereka grafik dan lain-lain lagi. Tugasan mereka sangat penting dalam pembikinan sebuah video, drama, filem dan lain-lain. Tanpa mereka, industri akan menjadi sukar (Mamat Khalid, 2019). Setiap video mempunyai sentuhan yang berbeza kerana dihasilkan oleh pereka yang berbeza justeru itu ia akan membuka peluang kepada penggiat ini untuk mendapatkan kerja (Carlos Nizam, 2019).

## **Sejarah Video Muzik**

Rangkaian televisyen MTV telah dilancarkan pada tahun 1981, ianya menandakan permulaan era video muzik. Tetapi sebenarnya video muzik itu telah lama muncul sekitar abad ke-19, iaitu video muzik "pertama" difilemkan di studio Thomas Edison pada tahun 1895, dimana filem tertua dengan muzik telah dibuat untuk Kinetophone. Kemudian pada April 1923, Teater Rivoli New York City mempersembahkan filem pertama dengan bunyi pada filem, iaitu filem itu digerakkan dan diikuti dengan runut bunyi mereka. Pada tahun 1925, Brothers Max dan David Fleischer mengeluarkan kartun dengan bola yang melantun, yang melompat di atas lirik seperti karaoke di teater bertujuan untuk para penonton menyanyi bersama (Gina Arnold, 2017; History, 2019).

Berubah pula kepada muzik Soundies dimana penonton perlu meletakkan syiling ke dalam kotak juke di Amerika Syarikat pada tahun 1946 untuk menunjukkan video muzik, tayangan hanya dalam tiga minit yang memaparkan persembahan muzik dan tarian. The Big Bopper, ialah orang pertama yang menggunakan istilah "video muzik" dalam wawancara 1959 dalam majalah *Rockin' 50s*, sejak dari itu nama video muzik kekal digunakan. Perkembangan video muzik kian rancak dengan kumpulan The Beatles menggunakan kuasa filem pada tahun 1960 untuk memasarkan rekod mereka dan memaparkan diri mereka sebagai artis terkemuka di dalam filem tersebut dengan fesyen pakaian, nyanyian konsert dan nyanyian, secara tidak langsung masyarakat luar percaya dan mengangkat mereka menjadi trend dan superstar pada masa itu. Sejak dari itu kebanyakan kumpulan band rock and roll mengikuti jejak mereka (History, 2019).

Pada tahun 1978, tiga tahun sebelum tubuhnya siaran MTV, program Amerika " Video Concert Hall" mula menawarkan beberapa jam video muzik yang tidak dihoskan setiap hari di Rangkaian televisyen di Amerika Syarikat. Video muzik pertama "Video Killed the Radio Star" oleh The Buggles disiarkan di MTV pada tahun 1981, munculnya lagu ini dan MTV telah membuatkan populariti pendengar radio kian menurun. Dua tahun selepas itu Michael Jackson, keluar dengan video muzik thriller pada tahun 1983 yang menjadikan album hits sepanjang masa dengan gerakan tariannya yang masih popular dan diingati sehingga kini. Pada tahun 1984, MTV telah menghasilkan Anugerah Muzik Video pertama, yang merupakan anugerah hanya untuk video muzik. Peter Gabriel keluar dengan video muzik animasi dan video muziknya mempunyai tiga 20 hits teratas pada tahun 1986 (Viacom International Inc, 2022).

Pertumbuhan muzik Hip Hop, iaitu Public Enemy keluaran 'Night of the Living Baseheads' pada tahun 1988, mereka mempersembahkan video muzik sebagai satu bentuk budaya. 'Scream' video muzik yang dinyanyikan oleh Michael Jackson dan adiknya Janet Jackson merupakan sebuah video muzik paling mahal sepanjang masa menelan belanja 7 juta dolar untuk dihasilkan, diarahkan oleh Mark Romanek pada tahun 1995.

Pelancaran YouTube pada tahun 2007 menjadikan video muzik lebih berjaya melalui keupayaan penonton menonton video dalam talian. Video muzik Lady Gaga pada tahun 2010, mencecah berbilion penonton dan video muziknya juga menjadi trend fesyen kepada penonton. PSY tampil dengan muzik video yang menjadi fenomena baharu dengan tariannya dalam muzik video 'gangnam style'. Tarian ini diterima di seluruh dunia pada tahun 2012 (Carlos Nizam, 2019).

## Gaya Visual Video Muzik

Terdapat lima jenis gaya visual video muzik, iaitu yang pertama (Carlsson, 1999), ialah **Klip Standard** ialah video muzik yang biasa untuk semua artis. Penyanyi itu dirakam dan bahagian campuran menggabungkannya dengan adegan lain, dibintangi sama ada oleh artis itu sendiri atau orang lain.

**Klip Persembahan** ialah video muzik yang kebanyakannya mengandungi rakaman persembahan artis. Ia menunjukkan vokalis dalam satu atau lebih berbagai suasana. Latihan dan juga klip persembahan boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada persembahan di studio rakaman dan bilik

**Klip Naratif** merupakan video muzik yang paling mudah difahami sebagai filem pendek dengan latar belakang muzik. Klip naratif mengandungi cerita visual yang mudah diikuti.

**The Art Clip** ialah video muzik yang tidak mengandungi naratif visual dan tidak mengandungi nyanyian yang digerakkan oleh bibir. Video muzik 'art clip' popular dengan muzik eksperimentasi maka ia adalah 'art clip' yang tulen.

**Bentuk abstrak** ialah pengulangan gambar dalam video muzik kemudian diikuti dengan bentuk mengikut irama muzik dan melodi serta motif, menggunakan unsur seni abstrak yang berfungsi secara tematik (Carlsson, 1999).

## Video Muzik di Malaysia

Muzik video di Malaysia berkembang dari semasa ke semasa. Jika diimbaz kembali pada zaman 40-an kita boleh melihatnya semua di dalam filem Melayu klasik di bawah produksi di Singapura iaitu Shaw Brothers. Pengaruh filem India amat ketara dalam filem Melayu kerana pengarah dan kakitangan produksi ketika itu adalah berbangsa India termasuk wujudnya pengaruh budaya India dalam masyarakat Melayu memudahkan aliran ini diterapkan dalam produksi filem waktu itu. Hampir kesemua lagu-lagu popular zaman tersebut datangnya dari dunia perfileman yang sehingga ke hari ini tidak jemu mendengarnya. Ramai pemuzik profesional yang berkecimpung dalam dunia perfileman memberikan banyak peluang dan galakan kepada golongan pemuzik, pencipta muzik dan penulis lirik (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, 2005). Kegemilangan dunia perfileman atau "pawagam" di Malaysia bermula dengan berakhirnya Perang Dunia Kedua sekitar tahun 1950-an hingga 1960-an di bawah arahan dan lakonan artis legenda hebat Malaysia iaitu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sebagai "pemimpin industri" (Ahmad Sarji Abdul Hamid, 2011).

P. Ramlee banyak menyelitkan penggunaan lagu klasik tradisional dan muzik moden seperti waltz dan jazz di dalam filem-filemnya. Sehingga sekarang, lagu yang dipersembahkan secara visual tetap diingati sehingga kini walaupun visualnya hanya hitam putih (Amir Muhammad, 2010). Lagu *Bujang Lapok* dalam filem Pendekar Bujang Lapok yang dilakonan oleh P. Ramlee dan rakan-rakannya S. Samsudin dan Aziz Satar berjalan di sepanjang kampung, menari dan melompat masih diingati, manakala lagu *Maafkan Kami* dinyanyikan oleh mereka sambil memainkan alat muzik sambil mengalunkan lirik maafkan kami. P. Ramlee berjaya memasukkan unsur-unsur seperti lucu, sedih, gembira dan sinis dalam lagu-lagunya secara visual. Beliau juga berjaya menampilkan dirinya sebagai pemain alat muzik yang handal walaupun sebenarnya beliau tidak tahu bermain saksofon. Beliau hanya meniru gaya sebagai pemain saksofon tetapi berjaya diterima oleh penonton (Buyong, 2010).

Muncul pula zaman televisyen dan filem berwarna. Ketika itu artis di Malaysia bukan lagi satu batasan untuk menyampaikan lagu mereka dalam bentuk visual. Pada tahun 1969, RTM telah membuat rancangan memaparkan rancangan hiburan nyanyian untuk penonton. Walaupun mereka hanya merakamkan nyanyian konsert di atas pentas, tetapi ia tetap kekal sebagai video muzik, kerana ianya muzik yang telah divisualkan.

Apabila era muzik di Malaysia semakin meningkat dan semakin moden, video muzik sekitar 90an tidak sekadar persembahan biasa tetapi video muzik, mula menggunakan visual yang hebat dan tidak lagi menggunakan satu kamera. Video muzik mempunyai naratif, tetapi tidak semuanya berdasarkan lirik. Proses ini masih dibangunkan di Malaysia (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, 2005).

## **Proses Membuat Video atau Filem**

Proses menghasilkan video atau filem yang baik tidak kira apa sahaja jenis keluaran, ianya perlu melalui tiga proses utama iaitu Pra-Produksi, Produksi dan Pasca Produksi. Ia juga melibatkan banyak masa dan usaha, kebanyakan proses penghasilan video muzik melibatkan kumpulan krew produksi (Jim Owens, 2011; Brindle, 2013; Mamat Khalid, 2019).

Langkah pertama dalam membuat sebuah produksi video atau filem ialah pra-produksi. Ia melibatkan setiap aspek perancangan proses pengeluaran video sebelum pereka bentuk atau pengarah mengambil sebarang tindakan penggambaran untuk video produksi. Proses ini termasuk penulisan skrip, logistik, penjadualan dan huraian kerja membuat dasar yang lain (Brindle, 2013; Mamat Khalid, 2019).

Hari penggambaran dirujuk sebagai produksi. Produksi ialah peringkat penghasilan video yang terdiri daripada rakaman video dan merakam bahan video (imej bergerak/videografi). Ini adalah dimana semua perancangan terbaik dari pra-produksi menjadi kenyataan. Operasi yang dijalankan semasa penggambaran dirujuk sebagai produksi. Ini meliputi membina adegan, rakaman, dan menggunakan reka bentuk set. Penggunaan kamera yang berkualiti juga memainkan peranan penting dalam proses produksi disamping tugas kerja yang perlu dipikul oleh pengarah dan krew produksi dalam penghasilan video (Brindle, 2013; Mamat Khalid, 2019).

Langkah terakhir ialah pasca produksi memerlukan penyuntingan dan menggunakan pelbagai kesan khas pada output akhir video yang akan dipersembahkan kepada penonton. Pasca produksi ialah proses mencampurkan klip video dengan teliti melalui penyuntingan video untuk mencipta produk akhir yang menceritakan kisah atau menyatakan mesej sesebuah video itu. Ia merujuk kepada semua langkah pengeluaran selepas kerja siap dirakam (Brindle, 2013; Mamat Khalid, 2019).

Berdasarkan temubual bersama Carlos Nizam (2019) seorang juruvideo dan aktivis seni muda yang pernah menghasilkan video muzik artis Malaysia, menyatakan peranan video adalah begitu besar bukan sahaja dalam industri muzik tetapi dalam semua aspek. Ini kerana dalam era moden, video telah menjadi sama penting kepada pengguna, semuanya berada di hujung jari. Setiap hari dan setiap masa pasti ada yang menonton video. Beliau turut menambah P. Ramlee pernah mengeluarkan kenyataannya 'irama dan lagu tidak dapat dipisahkan', kini dalam era moden istilah baru telah dicipta iaitu 'Muzik dan video tidak boleh dipisahkan'. Golongan artis banyak mempromosikan muzik mereka melalui radio. Bagi mereka yang masih baharu dalam industri hiburan mereka harus mempromosikannya menerusi pelbagai saluran bukan hanya di radio semata-mata bagi meningkatkan populariti mereka. Pada zaman moden ini semuanya adalah dalam talian, Internet sebagai video penstriman adalah antara saluran yang sangat dekat dengan masyarakat.

Carlos Nizam juga membicarakan tentang proses pengeluaran video, bermula dari pra produksi hingga proses akhir. Beliau menyatakan untuk menghasilkan video, perlu melalui tiga proses. Pertama sekali, mulakan dengan proses pra-produksi iaitu kita perlu mendengar lagu yang ingin kita hasilkan. Jika lagu itu mempunyai lirik atau vokal, adalah penting untuk membaca lirik dan menggambarkannya satu jalan cerita. Setelah menyusun dengan baik kemudiannya perlu mencapai persetujuan dengan artis (penyanyi). Setelah perbincangan selesai, langkah seterusnya ialah mencipta dua jalan cerita dan papan cerita. Persetujuan mengenai perbelanjaan, lokasi dan masa penggambaran perlu dicapai bersama bagi memastikan produksi dapat dilaksanakan dengan lancar. Proses seterusnya ialah penghasilan video, proses penggambaran yang perlu tahu lokasi dan keperluan teknikal. Penggambaran hendaklah dilakukan dengan



berdisiplin dengan tenaga kerja krew produksi. Selepas penggambaran selesai, rakaman akan dihantar untuk proses pasca produksi untuk proses suntingan.

Seterusnya, hasil temu bual bersama pengarah tersohor Malaysia, Allahyarham Mamat Khalid (2019), selaku seorang pengarah filem dan juga pernah terlibat mengarahkan video muzik. Menurut Mamat Khalid perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum menghasilkan video atau filem adalah mengenali apa tujuan sebenar sesebuah karya itu, selain jujur apabila berkarya, mendalami penceritaan dalam pra produksi, susun atur jadual penggambaran dan bintang yang akan membintangi. Cuba hasilkan karya yang dekat dengan penonton, berdasarkan kehidupan masyarakat sekeliling kerana sasaran penonton kita itu ialah penonton tempatan lainlah jika karya kita hendak ke pesada dunia. Menurut beliau dalam proses produksi perlu punyai krew pasukan produksi yang aktif bekerjasama dan mempunyai aura positif bagi memastikan video yang dihasilkan berkualiti. Bermula dari penolong pengarah sehingga ke pembantu produksi kesemuanya memainkan peranan penting. Pasca produksi pula sangat-sangat penting kerana inilah tempoh proses yang paling lama, jika pra-produksi dan produksi itu hanya 25% sahaja maka pasca produksi itu ialah 50%. Pembahagian *shot* dan *scene* yang disusun rapi jangan dipandang ringan.

Firdaus Haini (2019) seorang kakitangan di Les Copaque Sdn Bhd, telah berkongsi tentang proses pasca produksi iaitu penyuntingan. Menurut beliau, setiap proses harus melalui penyelidikan kerana setiap suntingan perlu mempunyai sebab tersendiri. Seterusnya, video mesti melalui proses luar talian (offline). Proses luar talian ialah proses dimana penyunting mesti memadankan dan menyusun cerita dengan memotong video dengan mengikut tema keperluan pelanggan. Selepas pemprosesan luar talian, penyunting perlu menunjukkan kepada pelanggan untuk kelulusan. Proses ini boleh berlaku semula sehingga pelanggan berpuas hati. Selepas proses ini selesai, editor akan melalui proses yang sukar iaitu penyuntingan secara atas talian (online). Proses penyuntingan atas talian adalah proses yang mesti memasukkan kesan visual, teks, pembetulan warna dan banyak lagi. Akhir sekali ialah video memuktamadkan output melalui proses pemaparan serta mengeksport video dan sedia untuk ditayangkan.

Kesimpulannya, video muzik mampu memberi impak yang besar kepada penonton dan industri sekiranya video tersebut melalui proses teknikal dan konsep yang baharu. Bagi mempertimbangkan reka bentuk muzik video yang baik, perlulah melalui proses dari awal iaitu pra-produksi sehinggalah ke pasca-produksi. Penjanaan idea dan kreativiti sudah tentu memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi impak kepada penonton.

## **METODOLOGI**

Metodologi yang digunakan adalah deskriptif kualitatif. Data diperolehi daripada sumber pemerhatian, temubual serta kajian perpustakaan. Kaedah temubual digunakan dengan menemu bual pemain industri seperti pengarah dan mereka yang pernah atau masih terlibat didalam industri seni. Kaedah pemerhatian juga dilakukan dengan menonton beberapa sampel video muzik tempatan dan luar negara bagi mengenal pasti faktor yang dipertimbangkan dalam menghasilkan video muzik yang bagus. Penyelidik telah mengadakan sesi temu bual bersama tiga individu yang berpengalaman dalam bidang produksi video muzik iaitu dua pengarah dan seorang penyunting yang pernah terlibat dalam pembikinan video muzik.

Kajian perpustakaan digunakan dalam kajian ini sebagai salah satu teknik pengumpulan data kajian. Oleh itu sumber seperti jurnal, akhbar dan majalah digunakan untuk membincangkan peranan video muzik dalam industri muzik. Sumber Internet turut digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang video muzik, proses pembikinan termasuk industri video muzik.

## KESIMPULAN

Video muzik merupakan medium yang signifikan bagi penggiat seni khususnya di dalam industri muzik. Fungs video muzik tidak hanya memaparkan visual nyanyian dan alunan muzik, tetapi bakat lakonan, tarian dan juga pemakaian juga turut dipersembahkan. Dalam erti kata lain, pembangunan video muzik sangat signifikan bukan sahaja membantu produksi penerbitan malah publisiti kepada penyanyi/pelakon yang terlibat. Justeru itu, tercetusnya video muzik dalam industri hiburan, memberi pilihan kepada penonton untuk menghayati lagu dan lakonan serta tarian penyanyi kegemaran mereka. Dalam masa yang sama penyanyi dan pelakon dapat mempromosikan lagu dan lakonan mereka menerusi video muzik,

Pembangunan video muzik perlulah melalui tiga proses utama iaitu pra-produksi, produksi dan pasca produksi. Pra produksi ialah suatu proses awalan dimana penjanaan idea dibuat. Proses ini perlu memastikan hala tuju dan konsep video muzik yang akan dikeluarkan mengikut lagu yang dipilih dan dipersetujui oleh artis (penyanyi). Oleh itu, dalam proses pra-produksi sinopsis dan papan antara perkara penting dalam menjelaskan konsep video muzik. Proses kedua, adalah produksi dimana pengkarya bersama krew produksi melalui proses teknikal rakaman penggambaran berdasarkan dari papan cerita yang telah dipersetujui. Proses penggambaran hendaklah dilakukan dengan berdisiplin dengan tenaga kerja krew produksi berdasarkan jadual penggambaran. Proses terakhir ialah pasca produksi yang merupakan suatu proses yang sangat penting dalam penghasilan video. Suatu tempoh proses paling lama yang melibatkan 50% proses dari penghasilan video seperti proses pembahagian *shot* dan *scene* yang perlu disusun rapi dari suntingan 'offline' hingga ke suntingan 'online'.

Kesimpulannya, menghasilkan video muzik tidak semudah yang difikirkan. Video muzik perlu melalui pelbagai proses untuk menyelesaikannya. Namun untuk menghasilkan video muzik yang bagus tidak semestinya bajet yang tinggi tetapi susunan jalan cerita yang selari dan sesuai dengan kaedah penerbitan video tersebut. Pembangunan video muzik juga perlu mempunyai ahli pasukan yang komited. Mereka perlu menjalani proses seperti pra-pengeluaran, pengeluaran, dan akhir sekali pasca-produksi. Jika proses ini tidak dapat dilakukan, hasil video tidak cukup sempurna.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat dilanjutkan pada masa akan datang khususnya penelitian terhadap sejarah video muzik, penerimaan masyarakat serta teknik dan kaedah penghasilan video muzik berkualiti yang diterima penonton.

## RUJUKAN

- Ahmad Sarji Abdul Hamid (2011). *P. Ramlee Erti Yang Sakti*. MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Amir Muhammad. (2010). *120 Malay Movies*. Petaling Jaya: Matahari Books.
- Brindle, M. (2013). *The Digital Filmmaking Handbook*. New York: Quercus.
- Buyong, A. F. (Producer), Baba, N. (Writer), & Baba, D. P. (Director). (2010). *History Channel P. Ramlee Biography* [Motion Picture]. Malaysia: History.
- Carlsson, S. E. (February, 1999). *Audiovisual poetry or commercial salad of images? perspectives on music video analysis*. [http://filmsound.org/what\\_is\\_music\\_video/](http://filmsound.org/what_is_music_video/)
- Gigmit. (26 Julai, 2021). *The Importance of Music Videos in Today's Music Industry*. [https://blog.gigmit.com/en/the-importance-of-music-videos-in-todays-music-industry/#:~:text=M](https://blog.gigmit.com/en/the-importance-of-music-videos-in-todays-music-industry/#:~:text=Music%20videos%20are%20a%20fundamental,to%20your%20image%20and%20brand.)
- Gina Arnold, D. C. (2017). *Music/Video: Histories, Aesthetics, Media*. New York: Bloomsbury Academic.

- Griffin, M. (2002). Sociocultural Perspectives on Visual Communication. *Journal of Visual Literacy*, 29-52.
- History. (23 October, 2019). *The Music Video, Before Music Television*.  
<https://www.history.com/news/the-music-video-before-music-television>
- Jim Owens, G. M. (2011). *Video Production Handbook*. New York: Focal Press.
- Jürgen Preiser, A. V. (2002). *The music industry in the 21st century: Facing the digital challenge*. Screen Digest Limited.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. (2005). *Dasar & Strategi Pembangunan Industri Muzik Malaysia*. Malaysia: Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Warisan Malaysia.
- Muzik Kita, (2017, 24 July). *Perspektif Muzik Muzik Video – Peranan Visual dalam Muzik*.  
[http://muzikkitamy.blogspot.com/2017/07/perspektifmuzik-muzik-video-peranan\\_60.html](http://muzikkitamy.blogspot.com/2017/07/perspektifmuzik-muzik-video-peranan_60.html)
- Nurul Magfirah. (2021). Peranan Video Youtube Sebagai Alternatif Media Pembelajaran Di Masa Pandemi. *Jurnal Riset Dan Inovasi Pembelajaran*, 51-58.
- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional. (1989). *Cintai filem Malaysia*. Malaysia: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional.
- Valeviciute, S. (2021, 6 July). *Are music videos still relevant in 2021?*  
<https://theboar.org/2021/07/are-music-videos-still-relevant/>
- Viacom International Inc. (2022). *MTV History*. (V. I. Inc., Producer, & Viacom International Inc.)  
<https://www.mtvpress.com/networks/mtv-history>